

# PM: Tidak perlu beri petanda pilihan raya

UM 28 JUL 2002

KUALA LUMPUR 27 Julai — Datuk Seri br. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak perlu memberikan petanda tertentu sebelum mengadakan pilihan raya umum.

Perdana Menteri berkata, hanya orang ramai termasuk pemberita yang sering mentafsirkan pergerakan atau apa sahaja tindakan beliau sebagai petanda pilihan raya.

Menurutnya, keadaan itu berlaku kerana orang ramai terutama para pemberita asyik memikirkan tentang perkara tersebut.

“Kalau saya kata saya nak pergi Pahang...(orang mentafsirkan), pasal pilihan raya. Kalau saya pergi Genting Highlands, pasal pilihan raya.

“Ia ada dalam kepala you (anda),” katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan MCA ke-49 di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau sebenarnya tidak pernah memberikan apa-apa petanda dan ini dapat dilihat pada pilihan raya umum yang lalu.

Katanya, pada masa itu, ti-

— dak ada sesiapa pun yang menjangka yang pilihan raya akan diadakan pada waktu tersebut.

Justeru, beliau berkata, semua pihak boleh terus meneka tarikh pilihan raya umum yang akan datang.

“Anda boleh kata, sebulan lagi pilihan raya. Bila sudah sampai sebulan, anda kata sebulan lagi pilihan raya...satu hari tekaan anda pasti akan betul,” katanya sambil tertawa.

Semalam, ketika di Genting Highlands, Dr. Mahathir berkata, Abdullah mungkin akan mengetuai BN pada pilihan raya umum akan datang kerana pada masa itu, Abdullah adalah Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Ditanya sama ada kenyataan itu bermakna pilihan raya umum akan diadakan selepas tarikh persaraan beliau pada Oktober 2003, Perdana Menteri berkata: “Nanti anda tengoklah. Saya dapati press (media) suka sangat pasal pilihan raya.”

Mandat kerajaan hanya akan berakhir pada akhir tahun 2004.